

**1,100 PELAJAR SEKOLAH RENDAH DI PAHANG TERIMA  
BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN ANIH BERHAD**

- *Bantuan awal memudahkan ibu bapa & penjaga merancang perbelanjaan dan persiapan untuk anak-anak ke sekolah mulai Januari 2018*
- *Sumbangan diharap dapat memotivasi murid-murid untuk terus bersemangat untuk belajar dengan lebih tekun*

**Kuala Lumpur, 22 November 2017** – Dalam usaha membantu ibu bapa mempersiapkan anak-anak untuk sesi persekolahan tahun depan, ANIH Berhad, pemegang konsesi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) telah melancarkan **Program Back to School 2018 (BTS2018)** dengan menyumbang beg sekolah dan alat tulis dengan bertemakan karya *doodle #LPTdihati* kepada **1,100 orang murid di 4 buah sekolah rendah di sekitar Pahang** di mana ia beroperasi.

Empat buah sekolah berkenaan adalah Sekolah Kebangsaan Ulu Luit, Maran; Sekolah Kebangsaan Seri Songsang, Temerloh; Sekolah Kebangsaan (Felda) Sungai Nerek, Chenor dan Sekolah Kebangsaan Lentang, Bentong.

Pengarah Eksekutif ANIH Berhad, Dato' Nik Fauzi Nik Hussein berkata, sumbangan BTS2018 itu merupakan sebahagian daripada Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Syarikat berteraskan komuniti yang dianjurkan sepanjang tahun ini.

"Saya tumpang gembira jika, menerusi program sebegini, ia dapat mengurangkan bebanan ibubapa atau penjaga dalam menyediakan kelengkapan awal persekolahan selain memotivasi dan menyuntik semangat anak-anak untuk meneruskan persekolahan dan belajar dengan lebih tekun", katanya dalam satu kenyataan semalam. ANIH Berhad memilih karya *doodle* sebagai tema BTS2018 untuk memanjangkan mesej kempen keselamatan LPT melalui pelajar sekolah selaku agen perubahan.

Sementara itu, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Ulu Luit, iaitu antara Sekolah Transformasi 2025 pertama di Malaysia, Tuan Haji Alias Bin Haji Samah berkata, pihaknya bersyukur kerana sekolah berkenaan buat julung kalinya menerima sumbangan daripada syarikat korporat.

"Saya berharap dengan usaha murni ANIH Berhad ini akan memberikan inspirasi kepada syarikat korporat yang lain untuk sama-sama membantu pihak sekolah dalam memotivasi lagi murid-murid, khususnya murid-murid luar bandar untuk terus tekun berusaha mencapai kecemerlangan," katanya.

Ini merupakan tahun kedua ANIH Berhad melaksanakan program komuniti 'Kembali ke Sekolah'. Untuk program tahun ini, Syarikat juga telah memperuntukkan hampir RM40,000 bagi menyediakan kelengkapan persekolahan tersebut.

Majlis penyerahan bantuan kelengkapan persekolahan kepada 1,100 pelajar-pelajar dari 4 buah sekolah berkenaan telah dilaksanakan secara berperingkat di Hari Kecemerlangan sekolah masing-masing mulai 16 hingga 22 November lalu.

Bertemakan "#LPTdihati: Bertimbang Rasa & Sabar", *doodle* ini menyuntik elemen-elemen keselamatan di lebuh raya seperti saranan kepada golongan muda dan pengguna LPT supaya sentiasa berhemah dan mematuhi peraturan semasa menggunakan LPT.

Penggunaan teknik ini bertujuan menarik perhatian pengguna LPT, khususnya mereka yang masuk ke R&R ini, untuk menghayati coretan mesej keselamatan yang dilakarkan di dinding tembok. Secara tidak langsung, pengguna LPT bukan sahaja dapat menghayati mesej daripada karya yang dipaparkan, malah turut boleh bergambar secara spontan dengan *berselfie* atau *wefie* berlatar belakangkan *doodle* berkenaan dan berkongsi di laman media sosial dan ini secara tidak langsung mampu menularkan lagi mesej keselamatan di LPT ini kepada pengguna yang lain.

-Tamat-

## **Tentang ANIH Berhad**

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di km19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di km250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. ANIH Berhad juga adalah pemegang konsesi Lebuhraya KL-Seremban. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan AlloyMtd.

### **Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat  
[fazlyaton.hussein@alloymtd.com](mailto:fazlyaton.hussein@alloymtd.com)
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Naib Presiden,  
Pengurusan Media & Editorial, Komunikasi Korporat  
[farizal.hajat@alloymtd.com](mailto:farizal.hajat@alloymtd.com)
3. Sofia Roseli, Eksekutif,  
Pengurusan Media & Editorial, Komunikasi Korporat  
[sofia.roseli@alloymtd.com](mailto:sofia.roseli@alloymtd.com)

**Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:  
Jabatan Komunikasi Korporat  
AlloyMtd Group**

1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel : 03-6195 1111    Fax : 03-6188 0101    Website : [www.alloymtd.com](http://www.alloymtd.com)